

Pantau proses kerja penjawat awam elak salah guna kuasa

Setiap penjawat awam memainkan peranan penting dalam mempertahankan kedaulatan dan keharmonian negara tanpa mengira status dan pangkat. Tanggungjawab ini harus digalas dengan penuh amanah dan dedikasi walaupun terpaksa berkorban jiwa dan raga.

Hakikatnya, benarlah seperti pepatah Melayu yang mengatakan 'Harapkan pagar, pagar makan padi', apabila terdapat segelintir penjawat awam yang telah diberi kepercayaan sepenuhnya dalam menjalankan tugas, namun bertindak sebaliknya sehingga terbabit dengan perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Saban tahun rakyat digemparkan dengan kes-kes mahkamah membabitkan penjawat awam yang dituduh melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang. Terbaharu ialah siasatan terhadap beberapa orang guru susulan kes kebo-

coran sebahagian kertas soalan UPSR.

Rakyat Malaysia juga dikejutkan dengan penahanan beberapa pegawai Kastam oleh pihak SPRM kerana disyaki terbabit dengan aktiviti rasuah berkaitan penyeludupan arak dan rokok. Dua insiden ini sedikit sebanyak memberi persepsi negatif terhadap kredibiliti dan kewibawaan penjawat awam serta mencairkan reputasi institusi awam.

Kerajaan beri ganjaran

Sungguhpun begitu, perkara yang telah berlaku ini tidak seharusnya menjadi penghalang kepada penjawat awam lain untuk terus bekerja dengan jujur dan amanah berikutan hanya sebilangan kecil penjawat awam yang terbabit dengan kesalahan ini. Peristiwa ini perlu dijadikan iktibar dan pengajaran kepada semua pihak agar tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Pihak kerajaan sedaya upaya memberikan ganjaran dan kemudahan terbaik agar setimpal dengan khidmat dan usaha yang

diberikan oleh penjawat awam. Namun akibat mendambakan kehidupan mewah melebihi kemampuan, maka ada segelintir yang tidak segan silu untuk meraih pendapatan tambahan yang salah di sisi undang-undang. Kerakusan ini akhirnya mengundang padah kepada diri dan menyusahkan masyarakat.

Selain itu, tahap kawalan dalam dalam prosedur kerja awam kembali dipersoal kerana mungkin wujud kelonggaran sehingga memberi ruang dan peluang kepada penjawat awam untuk melakukan perbuatan yang melampaui batasan undang-undang. Jika kelemahan ini ada, ia perlu diperbaiki. Jika tidak, ia dikhuatiri akan menyebabkan berulangnya insiden yang sama atau insiden lain yang di luar jangka.

Semua penjawat awam diseru agar sentiasa berpegang teguh kepada agama dan etika kerja dalam usaha memelihara integriti dan kemuliaan pekerjaan yang diceburi sama ada dalam bidang kewangan, penguatkuasaan, per-

guruan dan sebagainya. Nilai-nilai kehidupan yang digariskan oleh agama mahupun kod etika hendaklah dijadikan panduan dan diterapkan dalam setiap perbuatan.

Perlu ada pemantauan

Dalam pada itu, jabatan dan institusi awam harus membuat pemantauan secukupnya terhadap gerak kerja penjawat awam agar sentiasa mematuhi proses kerja yang betul. Oleh itu, proses kerja yang digariskan hendaklah mempunyai kawalan dalaman yang komprehensif bagi mengelakkan sebarang kesilapan dan salah laku demi menjaga hak dan kepentingan sesebuah jabatan.

Selain itu, pihak jabatan juga perlu mewajibkan semua penjawat awam menyertai kursus pemantauan integriti yang dihadiri secara berkala dalam usaha mengukuhkan kewibawaan dan jati diri penjawat awam.

Keluarga dan masyarakat juga memainkan peranan penting dalam memastikan penjawat awam terus kekal berwibawa

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

dengan memberi sokongan dan nasihat ke arah kebaikan dan keharmonian.

Sebagai contoh, jika individu terdekat menyedari perbuatan seseorang penjawat awam itu cenderung kepada perbuatan yang bertentangan dengan agama dan etika maka berilah bantuan yang sewajarnya agar tidak terjerumus ke dalam perbuatan yang keji sehingga menyalahi undang-undang. Penjawat awam disarankan mengekalkan kehidupan yang baik dan sejahtera agar dunia aman dan selamat daripada sebarang anasir jahat.

Hafizah Marzuki,
Universiti Sains Islam Malaysia